

# **Program Minggu UniMAP Bersamamu 2008, Bantu pelajar SPM dan STPM memilih halatuju.**

**Bermula 3 hingga 12 Mac 2008**, Universiti Malaysia Perlis menganjurkan Program Minggu UniMAP Bersamamu 2008 yang merupakan kesinambungan Program Minggu UniMAP Dekat di Hati yang telah dijalankan pada tahun 2007. Program bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai proses kemasukan dan pengambilan ke IPTA. Disamping itu, memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan kemudahan internet yang disediakan untuk mengisi borang 'UPU Online' sepanjang berlangsungnya program ini.

Menurut Pengerusi Program Minggu UniMAP Bersamamu, Prof. Madya Che Mohd. Ruzaidi Ghazali, "UniMAP mahu memberi maklumat mengenai pilihan kursus-kursus yang ditawarkan di UniMAP".

"Selain itu UniMAP mahu menjalin hubungan dengan ibu bapa dan keluarga pelajar sambil memberi pengetahuan mengenai UniMAP untuk menarik minat dalam penghasilkan lebih ramai jurutera-jurutera di Malaysia", tambahnya.

Antara aktiviti yang bakal dijalankan sepanjang 10 hari itu ialah edaran fliers ke rumah-rumah, Bengkel Perundingan & Panduan Mengisi Borang secara online di Dewan Capitol, Pameran Pusat Pengajian, Ceramah Panduan Mengisi Borang UPU dan program-program di UniMAP serta lawatan ke makmal-makmal UniMAP.

UniMAP juga membuka booth pameran di sekolah terpilih di Perlis dan Kiosk mengisi borang UPU secara online. Kios berkenaan dibuka sehingga tarikh tutup permohonan pada akhir Mac 2008. UniMAP juga turut menempatkan kakitangannya di lokasi-lokasi yang terpilih disekitar Perlis.